

Headline	FAMA Pahang sasar jadi pengeluar pokok herba		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	25	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	367 cm ²
Journalist	Mohd Rafi Mamat	AdValue	RM 12,602
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,806



FAMA Pahang sasar jadi pengeluar pokok herba

» 100 usahawan Bumiputera, Orang Asli jayakan projek perintis

Oleh Mohd Rafi Mamat
Kuantan

FAMA Pahang menyasarkan negeri ini akan menjadi pengeluar utama pelbagai jenis herba untuk pasaran antarabangsa dalam tempoh lima tahun akan datang.

Seramai 100 usahawan Bumiputera termasuk Orang Asli dijangka terbabit menjayakan projek perintis berkenaan yang diharap dapat memenuhi permintaan pengeluar pelbagai produk kesihatan dan kecantikan dalam termasuk luar negara.

Pengarah FAMA negeri, Ibrahim Mahmood, berkata permintaan yang semakin menggalakkan terhadap pokok herba membuka peluang lebih cerah kepada usahawan mencipta kejayaan dalam perni-

gaan berkenaan.

Katanya, masa kini tidak ramai yang mampu menjadi pembekal pokok herba secara komersial walaupun permintaan terhadap pokok seperti tongkat ali, kacip fatimah, lidah buaya, hempedu bumi dan mahkota dewa semakin meningkat.

Beliau berkata, untuk menjamin industri herba di negeri ini terus berkembang dan berjaya,

FAMA akan mendaftar individu yang terbabit bagi memberi peluang mereka menerima pelbagai kemudahan disediakan kerajaan.

"Kita kini tidak mempunyai senarai atau rekod mereka yang terbabit dengan industri herba sama ada secara kecil atau komersial, faktor berkenaan menyebabkan mereka ti-

dak menerima sebarang kemudahan dari FAMA.

"Selain khidmat nasihat dan seminar berkaitan herba, usahawan herba yang mendaftar sebagai peserta ladang kontrak FAMA turut layak menerima bantuan serta kemudahan pinjaman daripada Agrobank," katanya.

Beliau berkata demikian pada bengkel industri herba dan klinik pemasaran Pahang 2015 di Pusat Transformasi Bandar (UTC), di sini, kelmarin.

Pelbagai kemudahan

Lebih 25 peserta terdiri daripada usahawan herba di negeri ini menyertai program berkenaan yang mendapat kerjasama daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan agensi berkaitan.

Ibrahim berkata, penganjuran bengkel berkenaan memberi peluang kepada peserta mempelajari cara menanam, memproses, pemasaran, pembungkusan dan kandungan perubatan yang terdapat pada pokok herba.

Katanya, FAMA akan berusaha membantu masyarakat Orang Asli yang terbabit dengan aktiviti pengeluaran herba mentah, sebagai contoh kini ramai di kalangan mereka menjual tongkat ali dan kacip fatimah di tepi jalan.

"Hutan yang masih luas di daerah ini, Pekan dan Rompin memberi peluang kepada golongan berkenaan mencari pelbagai pokok herba yang tumbuh liar, selepas aktiviti pembalakan mereka akan masuk ke hutan untuk mencari tongkat ali," katanya.

Headline	FAMA Pahang sasar jadi pengeluar pokok herba		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	25	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	367 cm ²
Journalist	Mohd Rafi Mamat	AdValue	RM 12,602
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,806



Ibrahim (tengah) **melawat gerai pameran herba** pada program bengkel industri dan klinik pemasaran herba Pahang 2015 di Kuantan, kelmarin. [FOTO MOHD RAFI MAMAT/BH]